



**IKLAN JAWATAN
GURU TABIKA PERPADUAN GRED S29 (KONTRAK)
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
NEGERI JOHOR**

1. Butiran Jawatan

- | | |
|------------------------|---|
| 1.1. Jawatan | Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat
: (Guru Tabika Perpaduan) Gred S29 |
| 1.2. Taraf Jawatan | : Kontrak |
| 1.3. Jabatan | Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional
: Negeri Johor |
| 1.4. Tempat Kekosongan | : Tabika Perpaduan JPNIN Johor |
| 1.5. Bil. Kekosongan | : Sepuluh (10) |

- 2. Tangga Gaji** : RM1,493.00 – RM 5,672.00 (Minimum – Maksimum)

- 3. Elaun** : i) Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) – RM300.00
ii) Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) RM160.00
iii) Bantuan Sara Hidup (BSH/COLA) :
RM350.00 / RM300.00 / RM250.00

4. Ganjaran :

$17\frac{1}{2}\%$ - (Caruman majikan dalam KWSP) x gaji akhir (gaji pokok) x jumlah bulan perkhidmatan ditolak dengan jumlah faedah syer kerajaan (majikan) di dalam KWSP bagi tempoh bulan perkhidmatan dengan syarat pegawai menyempurnakan perkhidmatan kontrak ini dengan memuaskan.

5. Syarat Lantikan

Calon-calon bagi lantikan mestilah memiliki kelayakan seperti berikut:

- 5.1 Warganegara Malaysia;
- 5.2 Calon lantikan hendaklah terdiri daripada wanita yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup permohonan;
- 5.3 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf engannya oleh Kerajaan; dan
- 5.4 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak** daripada Institut Pengajian Tinggi Tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia
(Gaji permulaan Gred S29 : RM 1770.95)

6. Deskripsi Tugas :

- 6.1 Melaksanakan tugas Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) setiap hari mengikut kurikulum yang ditetapkan;
- 6.2 Merancang PdP yang boleh mewujudkan dan merangsang minat untuk meneroka sesuatu yang baru serta meningkatkan motivasi supaya bersedia untuk belajar;
- 6.3 Membimbing murid semasa menjalankan aktiviti harian di tabika supaya mereka dapat melibatkan diri secara aktif;
- 6.4 Melaksanakan penilaian berterusan berkaitan perkembangan murid serta tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

7. Cara Memohon:

- 7.1. Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati di mana-mana Pejabat di Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Negeri dan semua Daerah serta laman web rasmi JPNIN.
- 7.2 Permohonan daripada Pegawai Kerajaan atau yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing – masing mengikut Perintah Am Bab ‘A’ 21; dan
- 7.3. Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan **gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan, salinan sijil kelahiran, salinan sijil-sijil diploma dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan (beserta transkrip akademik)**, cetakan slip pengiktirafan MQA, Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), **sijil digital vaksinasi COVID-19** dan **salinan sijil berhenti sekolah** yang diperakui sah oleh Pegawai Kerajaan yang menjawat jawatan Kumpulan ‘A’ atau **Gred 41** ke atas sebanyak (dua) 2 salinan ,dan hendaklah dihantar kepada:

Pengarah,
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Negeri Johor,
Tingkat 20, Bangunan KWSP,
Jalan Dato' Dalam,
80000 Johor Bahru.
(u.p : **Unit Perkhidmatan**)

8. Tarikh Tutup Permohonan : 7 MEI 2024 (SELASA)

9. Jemputan Temu Duga :

- 9.1. Permohonan yang seperti berikut **AKAN DITOLAK** :
 - i) tidak lengkap / tidak jelas;
 - ii) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - iii) tidak disertakan dokumen-dokumen yang diperlukan,
 - iv) tidak ditandatangani.
- 9.2. Hanya calon yang berkelayakan dan memenuhi syarat tapisan sahaja yang akan dijemput untuk menghadiri temu duga. Mereka yang tidak dihubungi selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya; dan
- 9.3. Segala perbelanjaan menghadiri temu duga adalah tanggungjawab sendiri dan Jabatan tidak akan melayan sebarang tuntutan.